

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Trade Working Capital Financing-i (TWCF-i)

Tarikh: _____
[Diisi oleh Pegawai Jualan]

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Trade Working Capital Financing-i.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ('Bank') jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.

1. Apakah produk ini?

Trade Working Capital Financing-i (TWCF-i) adalah kemudahan pembiayaan jangka pendek yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan bagi tujuan membiayai keperluan modal kerja mengikut jenis-jenis pembiayaan yang dibenarkan oleh Bank:

- Projek Pengeluaran Utama (*Primary Production*) contohnya: tanaman, ternakan, perikanan dan projek-projek lain.
- Pembuatan contohnya : makanan, produk kesihatan, kayu dan lain-lain.
- Perdagangan dan aktiviti pemasaran contohnya: agrikultur dan produk makanan, produk perhutanan, perdagangan am dan lain-lain.
- Lain-lain keperluan kewangan yang berkaitan dengan modal kerja yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah yang berkaitan dengan pertanian dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang terlibat dalam *Trade Working Capital Financing-i* (TWCF-i) adalah seperti di bawah:

- **Murabahah** merujuk kepada kontrak jual beli dengan pendedahan harga kos dan margin keuntungan kepada pembeli.
 - i) **Wakalah** ialah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang akan diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Melalui penyempurnaan Suratcara Perundangan [*Letter of Offer, Master Facility Agreement* dan *Letter of Wakalah for TWCF-i (Purchase)*], Bank melantik pelanggan sebagai ejen belian untuk membeli barangan yang diperlukan daripada pembekal/penjual berdasarkan konsep Wakalah.
- **Bai` Al-Dayn** merujuk kepada jual beli hutang dengan persetujuan kedua-dua pihak.
- **Kafalah** merujuk kepada kontrak dimana penjamin memberi jaminan kepada pihak ketiga atas kewajipan yang harus ditunaikan oleh pihak yang dijamin.

3. Apakah faedah daripada produk ini?

Produk ini menawarkan kemudahan pembiayaan dengan ciri-ciri berikut:

<p>Jenis Kemudahan dan Pembiayaan TWCF-<i>i</i></p>	<p><u>Jenis Kemudahan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <u>Kemudahan secara tidak berulang (Non-revolving)</u> Pelanggan hanya boleh menggunakan sekali sahaja sehingga semua had kemudahan diguna pakai. Sebarang pembayaran pembiayaan yang dibuat tidak meningkatkan had kemudahan kepada had kemudahan asal. ▪ <u>Kemudahan berulang (Revolving)</u> Had penggunaan akan meningkat atau berkurangan dari had kemudahan asal mengikut tahap penggunaan dan pembayaran. Had penggunaan tidak boleh melebihi had kemudahan asal.
<p>Jenis Pembiayaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <u>Pembiayaan Belian-TWCF-<i>i</i> Purchase (Murabahah)</u> Digunakan untuk membiayai keperluan modal kerja pelanggan berdasarkan dokumen sokongan seperti invoice, dokumen pengangkutan lain (i.e. nota hantaran, Bil Muatan (<i>Bill of Lading</i>) dan sebagainya) yang dikemukakan oleh pelanggan bagi tujuan membeli barangan. ▪ <u>Pembiayaan Jualan TWCF-<i>i</i> (Bai Al-Dayn)</u> Pembiayaan ini digunakan bagi membiayai pelanggan yang menjual barangan kepada pembeli secara kredit. Melalui kaedah ini, Bank membeli hutang (debt) milik pelanggan. Pelanggan akan menyelesaikan hutang tersebut terus kepada Bank apabila tamat tempoh pembiayaan yang dipersetujui oleh kedua belah pihak.
<p>Tempoh</p>	<p>Untuk setiap transaksi, tempoh minimum adalah 14 hari dan maksimum 180 hari atau seperti yang diluluskan oleh pihak Bank.</p>
<p>Jumlah Kemudahan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jumlah kemudahan adalah mengikut polisi semasa Bank. ▪ Jumlah had kemudahan boleh dinaikkan atau dikurangkan mengikut budi bicara Bank yang dibuat berdasarkan kepada prestasi pembayaran yang dibuat semasa semakan tahunan atau pada bila-bila masa yang dirasakan sesuai oleh pihak Bank.
<p>Jumlah Pembiayaan</p>	<p>Jumlah pembiayaan bagi sesuatu transaksi urus niaga boleh diberikan sehingga 100% daripada nilai muka sesuatu invoice / kos barangan tetapi tidak melebihi jumlah kemudahan tertakluk kepada kelulusan Bank.</p>
<p>Kadar Keuntungan pembiayaan</p>	<p>Kadar keuntungan akan ditetapkan berdasarkan kelayakan kredit dan penilaian risiko kredit pelanggan.</p>

**Pengiraan untuk TWCF-*i*
(Purchase)**

$$\begin{aligned} \text{Harga Belian} &= \text{Nilai Pembiayaan (NP)} \\ \text{Harga Jualan} &= \text{NP} + \left(\frac{\text{NP} \times \text{Kadar Keuntungan} \times \text{Tempoh Pembiayaan}}{365 \text{ atau } 366^* \text{ hari}} \right) \end{aligned}$$

Ilustrasi Pengiraan:

Harga Belian	=	RM10,000 (Nilai Muka Invois)
Harga Jualan	=	RM10,000 + (RM10,000 x 3.75% x 90/365)
	=	RM10,000 + RM92.47
	=	RM10,092.47

*Nota: 366 hari akan digunakan pada tahun lompat

**Pengiraan untuk TWCF-*i*
(Sales)**

$$\begin{aligned} \text{Harga Belian} &= \text{NP} - \left(\frac{\text{NP} \times \text{Kadar Keuntungan} \times \text{Tempoh Pembiayaan}}{365 \text{ atau } 366^* \text{ hari}} \right) \\ \text{Nilai Muka} &= \text{Nilai Pembiayaan (NP)} \end{aligned}$$

Ilustrasi Pengiraan:

Harga Belian	=	RM10,000 - (RM10,000 x 3.75% x 90/365)
	=	RM10,000 - RM92.47
	=	RM9,907.53
Nilai Muka	=	RM10,000.00

*Nota: 366 hari akan digunakan pada tahun lompat

4. Apakah tanggungjawab saya?

Membuat bayaran secara penuh iaitu Prinsipal dicampurkan keuntungan (Pembiayaan Belian TWCF-*i*) atau jumlah yang perlu dibayar (Pembiayaan Jualan TWCF-*i*) pada tarikh matang setiap nota kontrak (*settlement on maturity date*).

Penjelasan sebelum tempoh matang (*partial early settlement or full early settlement*) adalah dibenarkan tertakluk kepada polisi Bank.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

• **Peringkat Fasiliti**

Bayaran Duti Setem	Sepertimana yang terkandung dalam Akta Setem 1949 (Revised 1989) – Ad Valorem
Caj Guaman & Pengeluaran	Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi Kemudahan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebangkrutan/muflis, carian penutupan syarikat dan caj-caj lain yang berkaitan (jika berkenaan)
Sumbangan Takaful	Bergantung pada jumlah perlindungan yang diambil untuk Kemudahan
Yuran Semakan Tahunan	Tertakluk kepada caj semasa yang dikenakan oleh Bank

• **Peringkat Transaksi**

Bayaran Duti Setem	Sepertimana yang terkandung dalam Akta Setem 1949 (Revised 1989) - Nominal
RENTAS	RM5.00
Interbank Giro (IBG)	RM2.00

Nota:

- Apa-apa perubahan pada fi dan caj yang berkaitan akan di buat secara bertulis oleh Bank atau disediakan di laman web rasmi Agrobank.
- Fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika ada) atau apa-apa cukai lain seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

6. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (*Ta'widh*) daripada pelanggan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pihak Bank akibat pelanggan lewat/gagal membayar bayaran tertunggak atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang perlu dibayar kepada pihak Bank. Jumlah ganti rugi (*Ta'widh*) tidak boleh dikompau dan dikira dari tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sepertimana berikut: -

i. Selepas Tarikh Matang

Ta'widh akan dikenakan ke atas baki tertunggak pada kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) yang berlaku sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM

$$Ta'widh = \text{Baki Tertunggak} \times \text{Kadar Semasa IIMM} \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365 \text{ atau } 366 \text{ hari}}$$

- Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya pelanggan gagal untuk mematuhi notis peringatan yang diberikan oleh pihak Bank.
- Bank berhak untuk membuat semakan atau menamatkan kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada pelanggan dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan apabila berlaku sebarang kejadian kemungkiran sepertimana dipersetujui dalam terma dan syarat kemudahan pembiayaan.

7. Bagaimanakah sekiranya saya membuat penyelesaian awal?

- Rebat (*Ibra'*) hendaklah diberikan untuk penyelesaian awal iaitu keuntungan tertunda.
- Amaun penyelesaian akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$Ibra' = \text{Keuntungan Tertunda}$$

$$\text{Nilai Penyelesaian} = \text{Baki Harga Jualan} - Ibra'$$

8. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

- Perlindungan Takaful tidak diperlukan bagi Pembiayaan TWCF-*i*. Tetapi pelanggan digalakkan untuk mengambil Skim Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keterhutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Pembayaran boleh dibuat melalui potongan daripada jumlah pembiayaan.

- Pelan perlindungan takaful adalah perlu untuk menampung pembiayaan tertunggak dan/atau tempoh perlindungan anda sekiranya berlaku sebarang keadaan yang tidak diingini. Bagi menjaga kepentingan Bank dan pelanggan, pelantikan panel Takaful amat disyorkan. Walau bagaimanapun, pelanggan dibenarkan memilih penyedia takaful bukan panel seperti yang diluluskan oleh Bank.

9. Apakah risiko utamanya?

Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (Ta'widh) daripada pelanggan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pihak Bank akibat pelanggan lewat/gagal membayar ansuran, baki harga jualan atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang kena dibayar kepada pihak pelanggan.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Jika anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, Agrobank mungkin memerlukan penjamin atau cagaran untuk anda meneruskan penyerahan.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat	: Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur
No. Tel.	: 1-300-88-2476
Faks	: 603-2691-7790
Emel	: customer@agrobank.com.my

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

Jika anda mempunyai sebarang masalah menjelaskan pembayaran anda, hubungi Bank terlebih dahulu untuk alternatif pembayaran. Sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat	: Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur
No. Tel.	: 1-300-88-2476
Faks	: 603-2691-7790
Emel	: customer@agrobank.com.my

Jika anda ingin mendapatkan butiran lanjut atau membuat aduan mengenai produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat	: Agrobank, Client Relationship Management, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur
No. Tel.	: 1-300-88-2476
Faks	: 603-2691-7790
Emel	: customer@agrobank.com.my

Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda juga digalakkan untuk menghadiri "Program Pengurusan Wang Ringgit Anda" atau "POWER!" yang dianjurkan oleh AKPK. Sila hubungi AKPK di:

Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:



Alamat : Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra-Commerce,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2616-7766
Emel : enquiry@akpk.org.my

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Faks : 1-300-88-5465
No. Tel. : 603-2174-1515
Emel : bnmtelelink@bnm.gov.my

13. Kemudahan lain yang relevan/sesuai

- Modal Kerja-*i*
- Cash Line-*i*

Maklumat Tambahan

- Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah bermula dari : _____
- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini.

NOTA PENTING

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI PEMBIAYAAN KEMUDAHAN TRADE WORKING CAPITAL FINANCING-*i* ANDA.

Penafian

- Segala terma dan syarat dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah tentatif/petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan pembiayaan.
- Sila ambil maklum bahawa semua maklumat yang dizahirkan di bawah dokumen ini perlu diproses mengikut undang-undang yang berkaitan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi PDPA 2010 (PDPA). Sila rujuk Polisi PDPA kami yang boleh didapati di laman sesawang www.agrobank.com.my atau anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.